

100 *Pesan Tun*

MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA


Tun Dr. Mahathir Mohamad



02 Pesan
Keagamaan




Peny²kan lbadah sosial
life j²he bepe life bergeme .



-muntzan M. Bekar-

"Demokrasi YKP akan terus
kekal membangunkan
tamadun bangsa"






100 *Pesan Tun*

MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA
Tun Dr. Mahathir Mohamad

02 Pesan Keagamaan



1014063

ILHAM BOOKS
Kuala Lumpur
2025



100 PESAN TUN: MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA
JILID DUA: PESAN KEAGAMAAN

Hak Cipta Terpelihara @ MindHeart Mastery, 2025
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2025

Cetakan Pertama, 2025

ILHAM BOOKS (002683798-H)
No. 94, Jalan Nilai Square 3
Nilai Square, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: www.facebook.com/ilhambooks
Email: admin@ilhambooks.com
Website: www.ilhambooks.com
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-0067-37-7 (hardback)

Dicetak oleh: Percetakan Mesbah Sdn. Bhd. (819193-K)
No. 11, Jalan Tun Perak 6,
Taman Tun Perak,
43200 Cheras, Selangor

658.11.2025

KANDUNGAN

Kata Pengantar Tun Dr. Mahathir Mohamad	vii
Dari Meja Penulis 1 - Syed Abd Aziz Al-Qubro	ix
Dari Meja Penulis 2 - Muniraa Abu Bakar	xxi
Dari Meja Editor - Dato Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri	xxv
Bab 1 Muqaddimah	31
Bab 2 Perihal Agama	47
Bab 3 Penutup	215

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

KATA PENGANTAR BUKU "100 PESAN TUN": MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA

Saya ucap tahniah kepada Pertubuhan Negarawati Tanahair di atas penerbitan buku "100 Pesan Tun" – Membina Keluarga dan Bangsa.

Terima kasih juga atas usaha untuk mengumpul, dan membukukan pesan serta nasihat dan pandangan saya, yang saya harap sedikit sebanyak dapat dimanfaatkan.

Membina keluarga dan bangsa, dalam konteks pembentukan masyarakat sesebuah negara membawa maksud yang besar.

Kemajuan sesuatu negara bergantung kepada nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat atau rakyatnya.

Demikian kita lihat bagaimana Jepun dapat bangun dalam masa yang pendek kerana nilai-nilai tinggi dan mulia yang dipegang oleh mereka.

Jika kita ingin bina negara bangsa yang maju, masyarakat yang mampu berdaya saing maka kita juga harus berusaha memupuk nilai-nilai murni dan moral yang tinggi.

Dan ini harus bermula dengan keluarga. Keluarga adalah asas kepada masyarakat Malaysia. Memperkukuh institusi keluarga penting kerana keluarga adalah tempat pertama anak-anak belajar mengenali dunia.

Suasana harmoni dan pendidikan permulaan yang baik di rumah akan melahirkan insan yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab. Keluarga yang mementingkan pendidikan akan melahirkan generasi yang berilmu.

Di samping Pendidikan, tidak kurang penting pembentukan jati diri melalui bahasa, budaya, dan adat resam bagi memperkukuhkan identiti bangsa.

Saya harap buku ini dapat dijadikan panduan, inspirasi dan kesedaran kepada pembaca, tentang peranan kita masing-masing dalam usaha membentuk masa depan bangsa dan negara yang lebih maju melalui institusi keluarga yang kukuh.

Tahniah sekali lagi kepada Pertubuhan Negarawati Tanahair di atas usaha ini. Semoga ianya akan memberi manfaat.



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
21 April 2025

No. 1, Jalan P3H, Presint 8, 62250 PUTRAJAYA
Tel : 603-8885 8900 Fax : 603-8889 1114





DARI MEJA PENULIS 1

Agama, Akar Umbi Kehidupan Manusia

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan Pelimpah cahaya dan petunjuk. Pembuka penglihatan, Penyingkap segala rahsia dan Penyibak segala tirai kegelapan. Selawat dan salam semoga dilimpahkan kepada Nabi Muhammad SAW, cahaya segala cahaya, pemimpin orang yang beramal soleh, kekasih Sang Maha Pencipta, pembawa berita gembira dari Yang Maha Pengampun, penyampai ancaman dari Yang Maha Kuasa, penumpas keengkaran dan pembuka tabir palsu kaum derhaka.

Amma Ba'du,

Allah SWT berfirman di dalam al-Quran yang agung yang bermaksud:

“Allah adalah cahaya langit dan bumi. Perumpamaan cahaya-Nya adalah ibarat misykat. Dalam misykat itu ada pelita. Pelita itu dalam kaca. Kaca itu laksana bintang berkilau. Dinyalakan dengan minyak zaitun yang bukan dari Timur atau di Barat. Yang minyaknya nyaris menyala dengan sendirinya, walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya! Allah menuntun kepada cahaya-Nya, siapa saja yang Dia kehendaki. Dan Allah membuat perumpamaan bagi manusia. Sungguh Allah mengetahui segala.”

[Surah An-Nur: 35]

Wallahi, sesungguhnya bahawa Allah SWT adalah “Cahaya yang tertinggi dan terakhir” dan bahawa Dia adalah cahaya yang hakiki dan sebenar-benarnya, tiada sekutu bagi-Nya. (Imam Ghazali, *Misykat-ti Anwar*, hlm. 20)

Kegelapan manusia moden hari ini adalah justeru telah hilang tali penyambung, telah hilang juga titik kekuatan sejati akar rabbani, telah dibuang kotak pandora keajaiban وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ (Al-Baqarah: 31) yang menjadi bekal kepada semua makhluk bernama manusia sepanjang hidup di dunia. Apa yang diajarkan oleh Allah SWT kepada makhluk manusia? Tahap kesedaran diri, rasa berIlahi, potensi untuk mengetahui dan kebolehan bernavigasi untuk kembali ke alam lahut, alam asal kampung halaman abadi manusia semuanya. Hari ini, dalam kemodenan teknologi, dalam tingginya ilmu yang manusia rasa hasil usaha pengajian mereka yang cukup gigih yang kemudian diselimuti dengan selimut keangkuhan, kesombongan dan ketakburan kepada Allah SWT, mereka membuang semua yang berkaitan dengan ketuhanan dan hanya mengambil sebahagian yang menjadi kepentingan dunia, kekuasaan, jabatan mahupun jawatan. Maka gelaplah segelap-gelapnya kehidupan manusia hari ini.

Kita masih membaca al-Quran yang sama yang turun hampir 1500 tahun yang lalu. Kita masih dapat membaca hadis-hadis sahih daripada Nabi Muhammad SAW yang sama persis yang didengari dan diriwayatkan oleh sahabat-sahabat dan generasi yang pertama dahulu dan kita masih lagi mengucapkan kalimah syahadat yang sama seperti pertama kali diajarkan oleh baginda Nabi Muhammad SAW dulu. Namun mengapa kita masih disembelih di merata pelosok bumi? Mengapa juga kita tetap semakin hancur perpaduan dan kekuatan tidak lagi seteguh barisan insan-insan mulia di benteng Khaibar? Mengapa kita masih lagi berselerak membiarkan wanita-wanita kita dinodai sehingga kita tidak lagi mendengar jeritan mereka meminta pertolongan seperti tajamnya hati dan keimanan Khalifah Al-Mu'tasim yang menyahut panggilan seorang wanita Islam yang dilecehkan di negeri Antokiah dengan menghantar tentera membela maruahnya?

Manusia moden hari ini yang dibimbing oleh agamawan dan cendekiawan Islam menyedut dan membaca pedoman daripada sumber yang sama dengan sahabat-sahabat daripada generasi pertama dahulu. Masih sama dan langsung tiada perubahan, pasti tiada perubahan kerana telah dijamin oleh Allah SWT,



tetapi hasilnya seperti langit dan bumi perbedaannya. Generasi pertama berhasil membangunkan tamadun rabbani yang amat halus akhlak dan jernih keimanan mereka, tidak bercampur baur berbanding manusia moden khususnya umat Islam hari ini yang semakin hancur dan menghancurkan agamanya sendiri. Hancur dengan segala tabiat dan akhlak kebinatangan, keserigalaan dan keserakahan syaitan dan menghancurkan persekitarannya dengan pembohongan, penipuan, penggelapan, pengkeldaan mahupun penyembahan sesama manusia. Apakah penyebabnya? Dimanakah silangnya? Siapakah yang bertanggungjawab? Dan sampai kapankah manusia moden hari ini akan berterusan menderhakai Allah SWT dalam kemunafikan hidupnya?

Siapakah yang berkuasa di dunia moden hari ini? Masihkah Allah SWT yang berkuasa ataupun syaitan laknatullah yang telah berjaya memesongkan seluruh umat manusia menderhakai Allah SWT persis janji-janjinya dahulu? Renung-renungkanlah melebihi anda meroketkan citra-citra politik yang dinarasikan oleh manusia-manusia yang telah lupa akar kehebatan diri seorang insan ciptaan Allah SWT. Atau kita telah mencampur adukkan akar asli rabbani dengan akar palsu ciptaan falsafah-falsafah barat seperti Machiavelli, Karl Marx, Hegel, William James mahupun seluruh murid-murid mereka? Benarlah kiranya, benih asal yang murni yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW telah bercampur baur dengan benih-benih ciptaan manusia moden hari ini dalam bentuk pengolahan baru berteraskan dan berpaksikan kemodenan?

Benarlah, generasi hari ini membaca al-Quran bukan lagi untuk melaksanakan perintahnya namun untuk didebatkan sesama sendiri siapakah yang terlebih pandai dan terlebih dalam ilmu tafsirnya. Benarlah kita membaca dan mengupas hadis bukan lagi dengan hati yang suci untuk melaksanakan namun untuk saling menuduh dan membahankan sesama sendiri siapakah di antara kita yang terlebih hafal matannya, terlebih hafal sanadnya yang akhirnya hanya akan berakhir dengan perpecahan dan kekacauan sesama sendiri, sehingga buta dan tuli pada persoalan yang lebih besar yang sepatutnya diselesaikan. Benarlah juga kita membaca al-Quran mahupun hadis yang hanya menyangkut persoalan

fiqh munakahat, fiqh ibadat mahupun sedikit fiqh muamalat hanya dengan tujuan akhirnya untuk saling menyalahkan dan membodohkan dan mendabik dada sesama sendiri sehingga menimbulkan kebencian kepada manusia-manusia lain yang bukan beragama Islam bahawa Islam ini penuh dengan perbezaan belaka. Kita jarang membaca dan mengupas fiqh jenayah, fiqh muamalat mahupun fiqh ketenteraan apatah lagi fiqh siasat yang jauh lebih penting untuk mengembalikan kuasa pemerintahan kepada tangan umat Islam yang telah hilang.

Benarlah, kita telah kehilangan roh belajar untuk melaksanakan perintah. Kita belajar hanya untuk melestarikan keinginan duniawi kita semata-mata dengan sedikit citra akhirat agar nampak agamawi. Kita bukan lagi perajurit-perajurit Allah SWT yang patuh pada perintah komando Sang Jeneral Agung Allah SWT di medan perang kehidupan dunia hari ini. Kita adalah perajurit-perajurit yang menderhakai perintah Sang Jeneral Agung Allah SWT dengan mentaati perintah dan arahan daripada jeneral yang dilaknati oleh Allah iaitu iblis laknatullah. Jangan anda berhujah, bahawa generasi pertama dahulu melaksanakan kerana tiada pilihan ataupun kerana tiada saingan tamadun mahupun pemikiran. Mereka dikelilingi oleh dua tamadun agung manusia di zaman itu. Tamadun Rom di Barat dan Tamadun Parsi di Timur. Apa anda mengira manusia moden hari ini lebih hebat ilmu dan kecendekiawanan berbanding dengan Rom dan Parsi dahulu? Kalau benar begitu pemikiran anda, anda memang salah sanad dan guru mahupun pensyarah mahupun universiti tempat anda mencedok semua ilmu-ilmu itu.

Kita telah lupa pada akar asal dan segala peringatan daripada Allah SWT bahawa musuh bebuyutan kita manusia adalah iblis laknatullah yang mempunyai kebebasan bergerak di dalam aliran darah kita sendiri. Kita juga lupa pada segala peringatan Allah SWT tentang musuh yang paling nyata ini. Kita juga lupa pada segala pesanan daripada Nabi Muhammad SAW kesayangan dan panutan kita tentang taktik dan strategi iblis ingin memenuhkan neraka bersamanya nanti. Mari kita telusuri kembali akar kejadian dan kehebatan dan juga titik kelemahan itu, bersama coretan dan nukilan sahabat musafir kami Cikgu Hakim dengan ceritera di bawah.



“Dalam kemodenan ini, Allah telah digantung – dan iblis bersultan”

“Kita menyangka kita membina dunia, tetapi sebenarnya kita sedang menegakkan kerajaan iblis.” Iblis tidak pernah gagal dalam usahanya. Yang gagal adalah kita — umat yang kononnya membaca al-Quran tetapi tidak membacanya sebagai strategi perang. Ketika Allah mengusir iblis, dia tidak tunduk, tetapi mengatur pelan global:

قَالَ فَبِمَا أَغْوَيْتَنِي لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَاطَكَ الْمُسْتَقِيمَ

“Kerana Engkau menyesatkan aku, aku akan duduk menghalangi mereka di jalan-Mu yang lurus.”

[Surah Al-A'raf: 16]

Iblis tahu arah. Dia tidak menyerang kelab malam. Dia tak ganggu kilang arak. Dia serang jalan lurus, tempat orang mencari tuhan. Iblis tunggu di situ — di masjid, universiti, podium ulama, pentas cendekiawan, pentas pemimpin politik dan sistem negara. Dia sambung:

ثُمَّ لَآتِيَنَّهُمْ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَانِهِمْ وَعَنْ شَمَائِلِهِمْ

“...kemudian aku akan datang mereka dari depan, belakang, kanan dan kiri mereka...”

[Surah Al-A'raf: 17]

Strategi ini bukan alegori. Ia diterjemah dalam sistem kehidupan, yang meliputi segalanya daripada bayi baru lahir sehinggalah ke liang lahad tanpa disedari.

4 Pilar Demokrasi - 4 Serangan Iblis

1. Liberty (Kiri):

Kebebasan tanpa batas – buang Tuhan daripada undang-undang, sekolah, pentadbiran dan juga dari seluruh juzu kehidupan.

2. Equality (Kanan):

Samakan semua agama – Islam hanya salah satu pilihan. Hukum syariat? Tidak sesuai. Marakkan dengan kemodenan, dengan kemewahan dengan kekayaan sebagai ganjaran 'equality'.

3. Fraternity (Depan):

Persaudaraan global – batal konsep umat seakidah walaupun berbeza ras dan warna kulit, batalkan konsep persaudaraan Islam berteraskan tauhid dan kembangkan agenda Tatanan Baru Dunia (New World Order).

4. Solidarity (Belakang):

Bersatu di bawah humanisme – atas nama kemanusiaan, undang-undang, riba dan maksiat dilegalisasi. Atas nama pemikiran 'humanisme' yang dipelopori Barat tenggelamkan pemikiran rabbani ajaran al-Quran dan buang jauh-jauh peranan roh dari segala juzu kehidupan.

Ring: Riba, Industri, Nation, Greed – Sistem Kebangkitan Iblis

Riba

Allah dan rasul isytihar perang, tapi umat Islam tanpa rasa berdosa dan tanpa takut terlibat dengan sistem riba dengan sejuta alasan kehidupan. Kalau ada perbankan syariah sekalipun, setahap mana dan sesyariah manakah syariahnya perbankan syariah Islam itu hari ini? Kita membuang emas sebagai alat muamalat dan menggantikan dengan kertas yang diberikan nilai.

Zakat dijadikan birokrasi, pemberian zakat dijadikan modal politik meraih undi bukan senjata membasmi kemiskinan. Abu Bakar RA perangi mereka yang tolak zakat – kini ramai pemimpin umat Islam beragama Islam menolak sistem zakat sebenar.

Industri

Pendidikan diperdagangkan, sekolah dijadikan makmal percubaan segala bentuk strategi politik menaikkan nama peribadi, universiti



dijadikan kilang mengeluarkan graduan-graduan yang mati hati nuraninya dan tumpul akal fikirnya, semuanya mengikuti matrik-matrik daripada tangan-tangan gelap kehidupan. Agama pula jadi produk meraih 'fyp' di pentas dan alta media sosial, agamawan berlumba menjadi siapa yang terpalang berani memaki dan mencaci, lagi keras makian dan cacian makin tinggi algoritma dan 'followers' menanti. Sesetengah agamawan dan ulama pula menjadi pekerja upahan sistem kehidupan yang telah dimatrikkan.

“Fatwa bukan lagi dari langit, bukan lagi daripada kejernihan iman untuk melaksanakan perintah namun hanya memenuhi tugas dari jabatan mahupun sekadar dari 'spreadsheet' bajet.”

Nation

Idea negara-bangsa yang jelas sekular dan menolak konsep rabbani dipopularkan demi meraih simpati undi untuk mempertahankan oligarki-oligarki yang banyak berbakti memberikan ufti semasa kempen mengundi untuk menggantikan konsep ketauhidan sejagat yang bernaung di bawah wahyu Allah SWT untuk melawan iblis laknatullah.

Kita diajar cintai bendera, tapi buta pada kesatuan aqidah. Kita diajar patuh syariah bab pemakaian namun kita membiarkan pemerintahan yang tidak berpaksikan rabbani berdiri. Kita diajar tentang perpaduan berbilang bangsa namun kita membiarkan anak-anak semua bangsa kita dengan agenda sendiri tanpa peduli akar umbi bangsa teras sejati bumi ini. Kita dibebelkan tentang toleransi dan tolak ansur namun dalam diam dan penuh strategi kita ditolak secara beransur-ansur.

Greed

Kapitalisme – sistem yang menyuburkan ketamakan secara halus, kita dibebelkan tentang kesenjangan dan kesejahteraan ekonomi namun semakin ramai rakyat yang tidak mampu lagi berdiri untuk meneruskan perjuangan ekonomi. Kita mencukai dengan sepenuh hati atas nama pribumi namun hakikatnya menggemukkan oligarki-



oligarki yang menguasai pasaran tanpa henti dan tanpa hati nurani. Mereka bina narasi kononnya aspirasi, tetapi hakikatnya adalah sistem hamba hutang yang membelenggu diri jutaan siswazah lepasan universiti.

Tiga Sihir Moden Iblis

1. Menakut-nakutkan (الخوف):

Takut dituduh ekstrem, takut hilang kerja, takut miskin. Maka sesetengah agamawan dan ustaz bisu. Intelektual, kecendekiawanan dan agamawan sujud pada majikan dan jabatan.

2. Pecah-belah (الفرقة):

Melayu lawan Melayu dengan parti yang pelbagai yang dipisahkan oleh bendera dan lambang sehingga yang majoriti kini hilang kekuatan diri, mazhab lawan mazhab dengan hal-hal yang sejati namun bukan prioriti, Sunni lawan Sunni. Iblis hanya senyum berpuas hati dengan kebodohan dan kegelapan manusia moden hari ini.

3. Putus silaturrahim (القطيعة):

Sistem pasaran menjadikan semua manusia pesaing. Bersaing di dalam organisasi, masing-masing ingin menonjolkan diri agar cepat dipromosi, sehingga lupa akar sejati diri dan pesan rabbani bahawa hidup didunia ini hanya ujian kepada setiap individu sendiri. Adik-beradik berebut harta pusaka sekangkang kera peninggalan arwah sehingga lupa bahagian khariat kepada arwah hanya semata-mata kerana berparadigma material yang mahu melebihi sesama sendiri. Jiran tidak kenal jiran walaupun hanya berpisah tembok bata setebal tiga inci.

“God is Dead” – Ketika Iblis Gantikan Tuhan dengan Pasaran
Nietzsche pernah berkata: “God is dead. We have killed Him.”

Slogan ini tidak sekadar falsafah – ia perjanjian dunia moden. Tuhan dibunuh secara sistemik. Bagaimana? Begini:



- Tiada tuhan dalam undang-undang.
- Tiada tuhan dalam bank.
- Tiada tuhan dalam pilihanraya.
- Tiada tuhan dalam universiti.
- Tiada tuhan dalam seluruh juzu kehidupan. Tuhan hanya wujud dalam ritual ibadat dalam surau-surau ataupun masjid-masjid sahaja.

Yang tinggal hanyalah manusia yang bertuhankan keinginan.

Struktur Operasi Iblis Sedunia

“Sesungguhnya iblis meletakkan singgahsannya di atas air, lalu dia utus tenteranya...”

[Hadis Riwayat Muslim]

Sistem ini ada raja, kabinet, strategi. Siapa berjaya cerai-beraikan paling ramai, jadi panglima iblis.

“Syaitan mengalir dalam tubuh manusia seperti darah.”

[Hadis Riwayat Muslim]

Bukan sekadar godaan. Dia berlegar dalam emosi, sistem, cita-cita dan struktur pemikiran rakyat, kurikulum pelajaran, jawatan dan jabatan dalam segenap lapangan swasta mahupun kerajaan dan dalam segenap juzu' kehidupan manusia moden hari ini sehinggalah ke peringkat tertinggi dalam negara.

Mengapa Pesan Tun Dr. Mahathir Ini Penting?

Kebenaran ini telah dihidu sejak awal. Hal ini kerana jika umat Melayu Islam tahu bahawa akar kekuatan bangsa ini adalah tauhid kepada Allah SWT lebih awal, maka mereka akan bangkit, menginginkan sebuah kedamaian kehidupan, sebuah kehidupan di dunia moden yang tetap memelihara keimanan sejati kepada Rabbul-Izzati tanpa kepentingan peribadi mahupun diri sendiri. Hal ini kerana akan ramai yang ingin membunuh jati diri bangsa yang satu-satu ini.



Jika disebut bahawa demokrasi adalah lanjutan strategi iblis, umat akan mempersoalkan undang-undang. Jika dibebaskan bahawa kutipan zakat yang banyak tidak dimaksimakan penggunaannya untuk membina kekuatan umat Melayu Islam, mereka akan menyoal validasi peranan institusi itu. Sebuah soalan yang tidak mahu didengari oleh telinga-telinga elit yang berkepentingan.

Dan akhir sekali kerana jika disebut bahawa kebebasan adalah topeng licik untuk membunuh iman, maka semua oligarki, cendekiawan mahupun sesetengah agamawan akan tercabar keintelektualan mereka, justeru sebahagian dari mereka adalah sistem dan matirk itu sendiri.

Kesimpulan dan Penutup: Bangkit atau Hanyut

Ini bukan teori. Ini realiti. Sama ada kita melawan sistem dan matrik ini atau terus menjadi bangkai yang hanyut terbuai dek aliran massa dan gaya. Kita punya pilihan untuk berjihad dengan ilmu dan beramal dengannya dalam membina jati diri bangsa Melayu yang asli dan sejati atau menjadi manusia yang leka dan lalai, lupa daripada mengenal diri dan penciptanya. Kita sentiasa ada pilihan untuk berjihad dengan menguasai ilmu sains dan teknologi sedalam-dalamnya dan memberi manfaat kepada umat dan sejagat, atau menguasai ilmu hanya demi sekeping kertas bergelar sijil atau ijazah. Kita boleh memilih untuk berjihad melawan pemikiran terjajah warisan kolonial yang kita warisi tanpa sedar atau terus menjadi bangsa yang dijajah tanpa kita sedari. Kita boleh memilih untuk berjihad dengan bekerja keras dan istiqomah dalam menguasai semua lapangan kemahiran dan pekerjaan tanpa mengira darjah mahupun darjat atau pajakkan akal dan diri kepada sistem atau matrik yang membentuk nasib dan hala tuju acuan barat. Kita juga perlu memilih untuk berdakwah dengan budi pekerti tinggi kepada semua anak watan dengan siasah yang damai dan penuh strategi, atau kita terus diseret bersama golongan terleka dalam arus pusingan infiniti ciptaan iblis. Akhir kalam daripada saya, peribadi kita akan diseret terus dalam arus pusingan infiniti ciptaan iblis – yang tak tahu punca,



pengakhiran dan kita juga seharusnya malu mengaku sebagai umat Nabi Muhammad SAW. Sebenarnya kita hanyalah sisa umat yang terpesona dengan sihir sistem iblis. Al-Quran tidak akan pernah memberi dan mencurahkan isi perbendaharaannya membimbing manusia moden hari ini lagi, kecuali kita merendahkan diri dan mendatangnya dengan roh rabbani yang akan membuahkan tindakan dan pelaksanaan perintah. Al-Quran bukanlah buku syair sastera yang hanya layak dilagukan mahupun didebatkan, al-Quran adalah perintah terakhir daripada Allah SWT kepada seluruh kemanusiaan sebagai simpulan terakhir, sebagai peringatan terakhir, sebagai ancaman terakhir, dan sebagai wadah pembimbing terakhir daripada Sang Kekasih kepada makhluk manusia yang Dia banggakan di hadapan seluruh malaikat. Kembalilah menjadi generasi al-Quran sepenuhnya dan hidupkan kembali akar keimanan bangsa Melayu ini dengan kesedaran diri dan roh rabbani.

SYED ABD AZIZ AL-QUBRO

MMIM CTP CIPD UK





DARI MEJA PENULIS 2

Sedari kecil sehingga dewasa, perkara berkaitan agama dan kehidupan yang berlegar di minda saya, jarang sekali dapat memuaskakan akal. Kerangka memahami apa itu Islam adalah dengan mengenali hukum hakam fiqh, dengan membina rasa takut pada yang Maha Esa. Apabila dewasa, jiwa memberontak bertanyakan pelbagai hal kepada yang Maha Esa, mengapa kehidupan saya tidak sempurna sedangkan saya sudah mengikuti segala ajaran agama. Rupanya sangkaan saya meleset, memahami dan mengetahui hal ibadah bukanlah bermakna saya faham dan mengenal Allah SWT. Melakukan rukun Islam, solat lima waktu, berpuasa, membayar zakat, menunaikan haji juga bukan jaminan sempurna ketakwaan kepada Allah SWT. Menambahkan inchi pada pakaian, melabuhkan tudung sehari-harian, menambah lapisan pada setiap helaian juga tidak menjadikan saya arif berkenaan Allah Al-Ahad. Meninggalkan perkara terlarang kerana takutkan hukuman dari yang Maha Esa juga belum tentu mendekatkan diri saya dengan Allah Al-Aziz. Sangkaan melakukan ibadah fardhu ain, melakukan kebaikan dan meninggalkan perkara yang dilarang lalu hidup akan tenang adalah bukti hati yang buta tidak mengenal Pemberi Cahaya.

Jalan memahami tujuan kehidupan dan bagaimana hidup bertuhan hanya dapat difahami setelah merentas kehidupan dari zaman kanak kanak, remaja, dewasa sehingga berkahwin membentuk sebuah keluarga, melalui liku-liku kehidupan, cekal mengharungi badai tsunami. Apabila nyawa di hujung tanduk, barulah dapat merasa dekatnya Allah SWT seperti firman Allah;



Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai Aku, maka (jawablah), sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa dekat. Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah)-Ku dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran.”

[Surah Al-Baqarah: 186]

Ayat ini kedengaran berlegar legar di benak fikiran dan sudut hati apabila jiwa bertanya ‘kenapa’ dan ‘mengapa’ atas setiap kejadian. Seperti ayat di atas, kebanyakan kita orang Islam hidup dengan cara Islam, saya juga menyangka dengan melakukan perintah Allah dan meninggalkan larangannya maka saya akan hidup dalam kesejahteraan dan segala yang diharapkan akan dimakbulkan Allah SWT. Kemudian, meneliti maksud adakah saya beriman? “Aku lahir sebagai Melayu Islam sudah pasti aku beriman, percaya pada rukun Iman dan tidak sekali kali aku menduakan Allah SWT”. Maka jawapannya terbentang luas saat saya membuka al-Quran dengan tangisan teresak-esak, terasa seperti Allah sedang menjawab segala persoalan;

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?

[Surah Al-Ankabut: 2]

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”

[Surah Al-Baqarah: 155]

Sekiranya mengikuti akal fikir yang sihat, mengapa ramai umat Islam serata dunia tidak mencapai kehidupan yang sejahtera, tidak cemerlang seperti generasi terdahulu sedangkan beriman pada enam perkara yang sama, hidup bertiangkan rukun Islam yang sama, berpegang kuat pada perintah dan meninggalkan larangan

Allah SWT. Rupanya Islam kita hanya pada bungkusan luar, bukan berakar Tauhid yang jelas. Lihat sahaja cara kita berfikir mengatur kehidupan, kita tidak lejang daripada melakukan kesyirikan dengan meletak sandaran pada dunia materi. Sebagai contoh, kita lebih gemar memilih bekerja tetap walaupun keadaan di tempat kerja sering mendorong kita mengabaikan nilai Islam berbanding berniaga. Kita cukup takut apabila tidak mendapat kerja yang tetap kerana bimbang tiada pendapatan dan hilang punca rezeki seolah rezeki itu hanya datang dari tempat kita bekerja. Seakan-akan Allah tidak ada dalam setiap saat setiap perkara. Seakan-akan Allah hanya wujud lima waktu sehari, ketika bulan Ramadhan dan pada waktu tahajjud. Iman kita diuji setiap hari dalam pemikiran malah dalam setiap keputusan yang kita harus ambil.

100 Pesan Tun: Membina Keluarga dan Bangsa, Jilid Dua: Pesan Keagamaan ini adalah suatu perbincangan keagamaan, menyelami pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohammad tentang agama. Bermulanya perpisahan agama dalam kehidupan berakar daripada proses pengasingan ilmu pengetahuan dan ilmu agama yang diwarisi dari penjajahan berabad lamanya demi mematikan roh Islam yang akan menyatupadukan seluruh umat Islam dan memajukan umat Islam dalam ilmu pengetahuan, sains, teknologi dan falsafah seperti zaman kegemilangan empayar Islam yang agung. Bangsa Melayu perlu kembali sedar kepada akar ketauhidan untuk memahami erti hidup bertuhan, maka membentuk Tamadun Islam yang gilang gemilang seperti generasi terdahulu.

MUNIRAA ABU BAKAR



DARI MEJA EDITOR

Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama. Pesan agama daripada Tun Dr Mahathir ini merupakan 'karya agung' daripada seorang negarawan yang amat mencintai bangsanya, agamanya dan negaranya. Seabad legasi beliau kumpulkan dalam *100 Pesan Tun: Membina Keluarga dan Bangsa* sebagai rumah api kehidupan bangsa, terutamanya pesan keagamaan ini. Pesan yang amat bermakna mencakupi pemikiran agama, falsafah dan pembentukan bangsa yang tidak pernah melupakan akar umbi kehebatan diri dalam perjalanan membina sebuah bangsa bertamadun. Pesan keagamaan daripada seorang negarawan ulung untuk bangsanya menggunakan sepenuhnya kelebihan menjadi manusia yang beragama dan bertauhid.

Pesan keagamaan ini seharusnya menjadi bahan kajian dan perbincangan di kalangan agamawan dan cendekiawan demi menyusuri kembali akar kehebatan manusia iaitu menghayati kekuatan iman dan beragama dengan tasawur yang rabbani dan gambaran ajaran yang asal.

Allah SWT berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk (isi neraka Jahannam) kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahaminya (ayat-ayat Allah), dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (ayat-ayat Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.”

[Surah Al-A'raf: 179]



100 *Pesan Tun*

MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA

Tun Dr. Mahathir Mohamad

Tauhid adalah akar kekuatan.

Peradaban dan pemikiran tidak akan memberi kesejahteraan andai tidak berakarkan tauhid yang utuh dan jelas. Manusia kini lebih tegar merosakkan akal sihat dan kewarasan kurniaan ilahi demi mengejar ilusi fatamorgana dan pencitraan indah lagi meleakakan. Pentas duniawi yang tampak indah namun penuh kepalsuan yang menjerat manusia kepada matriks atau sistem ciptaan ejen iblis di muka bumi. Jerangkap ini tidak hanya menghanyutkan pendamba duniawi yang sedia lalai, malah agamawan tidak terkecuali mudah lemas dalam ujian kuasa, ilmu, harta dan pangkat sedangkan mereka telah tersasar jauh dari roh rabbani dan tasawur Islami. Sistem ini membentuk pemikiran manusia yang akur dan patuh sehingga mereput akal fikir dan mengeraskan hati. Maka mudah dikawal oleh jaringan elitis dan politikus yang korup rohnya, songsang tabiatnya dan jadong pendekatannya. Agenda besar ini dipandu pula oleh penyembah oligarki yang menjadi ejen menanam benih-benih perosak hati seperti nihilisme, atheisme, liberalisme dan anti ketuhanan. Akhirnya manusia terjerumus kepada kejahilan namun sentiasa dalam penafian. Kehidupannya telah jauh dari jalan cahaya yang terang melalui petunjuk wahyu dan panduan rasulNya. Malah lebih buruk diolah-ubah wahyu demi menghalalkan segala ideologi pemikiran manusia.

100 Pesan Tun Seabad legasi ini adalah trilogi yang menjadi bacaan wajib setiap pemburu kebenaran dalam kehidupan mencari citra kehidupan berpandu roh rabbani dan tauhid yang utuh.

ilhambooks

www.ilhambooks.com



MINDHEART
MASTERY

Negarawati 

TANAHAIR



9 789670 067377



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATAYAN
KEPIMPINAN
PERDANA